

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
THE NEWS STRAITS TIMES (M) PRESS BHD
(NSTP) CAWANGAN KUALA TERENGGANU
TERENGGANU

NOR FARAHIYAH BT AWANG

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

LI 30 FPE 3 2006



1100048738

Laporan akhir latihan industri di The New Straits Times (M) Press Bhd. (NSTP) Cawangan Kuala Terengganu / Nor Farahiyah Awang.

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100048738

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN UMT

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DI
THE NEWS STRAITS TIMES (M) PRESS BHD
(NSTP) CAWANGAN KUALA TERENGGANU
TERENGGANU**

Oleh:

**NOR FARAHIYAH BT AWANG
SARJANA MUDA PENGURUSAN PEMASARAN**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN
KEPADА**

**JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
(KUSTEM)**

2006

1100048738

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya NOR FARAHIYAH BT AWANG UK9455 mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama : Nor Farahiyah Bt Awang

Tarikh : 12 NOVEMBER 2006

Disahkan oleh :



Tn. Hj. Manan B. Ali

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi KUSTEM

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.....
Alhamdulillah.....

Bersyukur saya kehadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia- Nya telah memberi pelatih kemampuan untuk menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan kepada saya ini. Latihan Industri adalah kursus yang wajib bagi semua pelajar SMP Pemasaran bagi melayakkan seseorang itu bergraduat. Jutaan ucapan terima kasih saya tujukan kepada penyelia Latihan Industri KUSTEM, **Tn. Hj. Manan B. Ali** di atas tunjuk ajar beliau bagi menyiapkan laporan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ini ditujukan kepada penyelia organisasi, **Tn. Hj. Mohd Mazlan B. A. Ghani** selaku Eksukutif Operasi di **The News Strait Time (M) BHD** cawangan Kuala Terengganu. Tidak ketinggalan kepada semua kakitangan NST yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan industri. Dengan apa yang telah pelatih pelajari di NST akan dipraktikkan dan gunakannya dengan sebaik yang mungkin untuk menghadapi alam pekerjaan yang bakal pelatih tempuh nanti. Bagi mengakhiri kata-kata saya ini, ingin sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung terutama kepada pihak syarikat dan bahagian unit Latihan Industri Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi KUSTEM.

Sekian Terima Kasih,

RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi setiap pelajar, peluang untuk menjalankan Latihan Industri di sesebuah organisasi sama ada agensi awam atau swasta adalah merupakan sesuatu yang amat berharga. Pelajar berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung dengan aktiviti dan tugas yang akan diberikan. Peluang yang diberikan kepada pelatih dalam menjalankan Latihan Industri di The News Strait Times Press (M) Bhd, (NSTP) digunakan sepenuhnya untuk mengetahui dan memahami operasi syarikat khususnya dalam bidang penjualan dan pemasaran akhbar. Pelatih dapat mengaplikasikan teori yang telah dipelajari dan menyesuaikannya kepada situasi pekerjaan yang sebenar. Banyak input berguna yang dapat dipelajari melalui perbincangan dengan pihak pengurusan dan kakitangan pengedaran serta penglibatan sebenar pelatih dengan tugas dan aktiviti dalam organisasi. Semasa menjalani Latihan Industri di NSTP, pelatih dapat mengenalpasti beberapa masalah yang terdapat dalam operasi syarikat tersebut. Masalah ini dapat dikenalpasti atas pemerhatian yang terperinci dalam jangkamasa yang lama. Antara masalah-masalah yang dapat dikenalpasti dalam Jabatan Pengedaran adalah masalah jualan harian. Masalah kedua yang dapat dikenalpasti adalah pengedaran akhbar dalam darjah. Masalah ketiga adalah masalah jualan pukal. Menyedari permasalahan tersebut, pelatih sedia memberikan pandangan dan cadangan agar pihak syarikat mengaplikasikannya dan semoga cadangan yang diberikan dapat memajukan lagi syarikat tersebut. Latihan Industri amat diperlukan bagi meningkatkan kemahiran dan pengalaman bagi menjadikan seseorang

mahasiswa lebih berdaya saing dan kompetitif disamping dapat memberikan pandangan berguna kepada sesebuah syarikat.